

04 SEP 2000

Mahathir-Pakar

PAKAR TEKNOLOGI TINGGI SEDIA BANTU MALAYSIA, KATA PM

Oleh: Mohd Kamel Othman

CHICAGO, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beberapa pakar dalam bidang teknologi tinggi di Silicon Valley telah menyatakan kesanggupan mereka membantu Malaysia memajukan industri canggih.

Katanya, pakar-pakar yang beragama Islam itu sanggup datang ke Malaysia untuk membantu memandangkan tidak ramai rakyat Malaysia yang mendapat pengalaman di Silicon Valley.

Beliau berkata tawaran itu dibuat ketika beliau menerima kunjungan beberapa orang pakar teknologi Islam semasa di sini. Dr Mahathir berada di sini sejak Jumaat untuk lawatan kerja tiga hari ke Chicago.

Lebih 20 orang pakar teknologi telah mengunjungi Dr Mahathir. Antaranya ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Expert.com Omar Ahmad, Pengarah Produk Kejuruteraan Silicon Image Inc. Yousef Al-Shehabi, Pengerusi Aptix Dr Amr Mohsen, Presiden Cadabra Design Automation Faysal Sohail dan Naib Presiden Kanan Oracle Corporation, Sohaib Abbasi.

Mereka menawarkan bantuan mereka supaya Malaysia dapat menggunakan kepakaran yang ada, katanya pada persidangan media dengan wartawan Malaysia di sini pada hari Ahad.

Dr Mahathir berkata negara lain seperti Taiwan dan India mempunyai banyak jurutera yang memperolehi pengalaman di Silicon Valley dan apabila pulang ke negara asal akan memajukan industri itu di negara masing-masing.

"Orang kita tidak banyak di luar negeri berbanding rakyat India sebanyak 60,000 orang yang datang ke Silicon Valley setiap tahun. Ramai daripada mereka mempunyai pekerjaan di Silicon Valley dan ada yang bekerja dalam syarikat besar serta memegang jawatan tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata orang Taiwan juga ramai yang berbuat demikian semata-mata untuk menguasai ilmu.

"Mereka serius. Mereka datang ke sini bukan untuk main-main atau mengutamakan politik negara sendiri. Orang kita kadang-kadang kurang serius," katanya.

Beliau juga berkata sebuah syarikat modal teroka akan ditubuhkan di Silicon Valley bagi memudahkan usaha untuk mengenal pasti syarikat yang berpotensi.

Mengenai perjumpaannya dengan beberapa pemimpin persatuan Islam Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata badan-badan Islam di Amerika bukan sahaja menumpukan perhatian kepada soal-soal keagamaan bahkan berpendapat mereka juga perlu membuktikan kebolehan mereka dalam dunia canggih seperti di Silicon Valley.

Mereka rata-rata ingin bekerjasama dengan Malaysia kerana menganggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang termaju, katanya.

Perdana Menteri berkata mereka juga berpendapat bahawa amat penting sekali imej Islam diperbetulkan di samping bertindak rasional dalam memperjuangkan kepentingan masyarakat Islam.

Antara yang mengunjungi dan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri ialah Presiden American Muslim Council (AMC) Dr Yahya Mossa Basha, Presiden Muslim Public Affairs Committee (MPAC) Dr Maher Hathout serta tiga anggota Council of American Islamic Relations (CAIR) Omar Ahmad, Nihad Awad dan Ibrahim Hooper.

Dr Mahathir berkata majoriti daripada orang Islam di Amerika lebih positif dengan masalah yang berkaitan dengan agama dan tidak terpengaruh dengan dakyah yang tidak berasas.

Mereka sebenarnya ingin mengadakan hubungan yang rapat dengan Malaysia kerana menganggap Malaysia sebuah negara Islam yang berwibawa dan berjaya, katanya.

-- BERNAMA

MKO NMO